

27 SEP 1996

USAHAWAN TERKEMUKA M'SIA CARI PELUANG DI ARGENTINA

Oleh: S. Durga Varma

NEW YORK, 27 Sept (Bernama) -- Tidak sampai sebulan selepas lawatan presiden Argentina Carlos Menem ke Malaysia, para usahawan Malaysia tidak membuang masa untuk ke Argentina bagi merebut peluang-peluang perniagaan yang kini terbuka untuk mereka.

Penubuhan sebuah kilang baja, penswastaan empangan hidro-elektrik, projek-projek minyak dan gas, projek pengubah suaian kapal tentera laut dan sebuah jambatan yang menghubungkan Argentina dan Uruguay semuanya menjadi rebutan.

Renong Bhd, Mekar Idaman Sdn Bhd (anak syarikat Acidchem Bhd) dan Business Focus Sdn Bhd (yang mempunyai kepentingan di dalam PSC Industries, Actacorp, Khong Guan, Setron dan Perstima) telah menyambut cabaran dalam menerokai Argentina.

Diketuai oleh Pensihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, tokoh-tokoh korporat Tan Sri Halim Saad, pengerusi Renong, Dr Azman Firdaus Shafii, pengarah urusan Mekar Idaman, dan Datuk Amin Shah Omar Shah, pengerusi eksekutif Business Focus, akan berlepas ke Buenos Aires esok atas jemputan Presiden Menem.

Para usahawan itu akan mengkaji kemungkinan, pendekatan serantau, jenis pembiayaan projek dan struktur pemasaran projek-projek berkenaan selama tiga hari.

Daim memberitahu Bernama sebelum berlepas ke ibu negara Argentina itu bahawa satu kajian kemungkinan mengenai kilang baja itu telah selesai dan beliau berharap agar satu Memorandum Persefahaman untuk projek itu boleh dimeterai semasa lawatan itu.

"Kerajaan Argentina berpendapat bahawa projek itu berdaya maju dan mahu kita membincangkannya secara terperinci. Jika semuanya berjalan baik, projek baja itu akan merupakan projek utama yang pertama diperolehi selepas lawatan Presiden Menem ke Malaysia bulan lepas," tambah beliau.

Pengeluaran baja boleh dimulai seawal dua tahun daripada sekarang dengan keupayaan permulaan sebanyak 100,000 tan setahun.

Projek itu dicadangkan secara usaha sama dengan Tecnofin Ltd of Argentina.

Daim menyatakan bahawa Argentina juga mahu menarik kumpulan usahawan yang sama menyertai di dalam penswastaan empangan hidro elektrik Yacyreta.

Kerja ke atas empangan itu bermula sejak 1978 tetapi ia menghadapi halangan kewangan asas pada peringkat penyiapan terakhir.

Katanya, "ia adalah sebuah projek kerajaan tetapi memandangkan ia telah tergendala begitu lama, presiden itu mahu menswastakan projek itu dengan penyertaan asing.

"Malahan, inilah yang kita tidak mahu lihat berlaku kepada projek tenaga elektrik hidro Bakun.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi kenyataan kepada saya bahawa kita tidak harus melakukan sebarang kesilapan dan membiarkan masalah politik, buruh atau kewangan menghentikan projek raksasa itu (Bakun)."

Mengenai Projek Jambatan Buenos Aires-Colonia itu, Daim berkata Dr Mahathir berminat melihat projek itu berjaya.

Beliau berkata aspek-aspek pembiayaan, sivil dan pemasaran projek jambatan itu sedang dilaksanakna oleh kerajaan Argentina.

"Renong telah dipelawa memasuki lembaga sebagai rakan kongsi untuk menyertai pada asas usaha sama," tambahnya.

Semasa perjumpaannya kelak dengan Presiden Menem dan Suruhanjaya Tenaga Negara, peranan yang akan diambil oleh Renong akan dikenal pasti, katanya.

-- BERNAMA

DVS OS MA